

HASiL/2026/04/29 - 26

**15 MEI 2026: TARIKH AKHIR PENGEMUKAAN E-FILING INDIVIDU
(TIDAK MENJALANKAN PERNIAGAAN) BAGI TAHUN TAKSIRAN 2025**

CYBERJAYA, 29 APRIL 2026 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin mengingatkan pembayar cukai bahawa tarikh akhir pengemukaan Borang Nyata (BN) bagi Tahun Taksiran 2025 untuk individu dan selain individu iaitu pertubuhan, harta pusaka dan keluarga sekutu hindu yang **tidak menjalankan perniagaan** adalah pada **30 April 2026**.

Selaras dengan pelaksanaan mandatori pengemukaan BN melalui e-Filing, pembayar cukai diberikan **tambahan masa selama 15 hari, iaitu sehingga 15 Mei 2026**, untuk mengemukakan BN dengan tepat dan lengkap. Perkhidmatan e-Filing boleh diakses terus di <https://mytax.hasil.gov.my> atau melalui portal rasmi HASiL di <https://www.hasil.gov.my>.

Pembayar cukai disaran agar memanfaatkan tempoh lanjutan ini dengan mengemukakan BN lebih awal bagi memastikan kelancaran proses dan mengelakkan kesesakan capaian sistem menjelang tarikh akhir.

Sehubungan dengan itu, HASiL ingin menasihatkan bahawa pematuhan terhadap tarikh akhir yang ditetapkan adalah penting bagi mengelakkan sebarang tindakan di

bawah Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967, termasuk pengenaan penalti ke atas kelewatan atau kegagalan mengemukakan BN.

Sebagai panduan, pembayar cukai disarankan merujuk nota penerangan BN yang berkaitan sekiranya terdapat kekeliruan atau memerlukan penjelasan lanjut sebelum mengemukakan BN masing-masing.

Pembayar cukai juga digalakkan untuk membuat semakan awal ke atas semua dokumen dan maklumat percukaian termasuk penyata pendapatan, resit serta rekod berkaitan bagi tujuan pelaporan cukai. Pengisian dan pelaporan cukai hendaklah dilakukan dengan teliti bagi memastikan pengemukaan BN dibuat dengan tepat, lengkap dan teratur.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

MEMACU EKOSISTEM
CUKAI PINTAR

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 29 April 2026

Ms | 2



HASILMALAYSIA



HASIL_MALAYSIA